



---

---

**KERJA-KERJA SURVEI HIDROGRAFI DI PERAIRAN PELABUHAN  
KLANG DI ANTARA KAPAR POWER STATION DAN PULAU KETAM**

---

---

Daripada : Pegawai Pelabuhan, Jabatan Laut Wilayah Tengah.  
Kepada : Syarikat-Syarikat Perkapalan, Malim Pelabuhan, Nakhoda Kapal,  
Pelaut Tempatan, Nelayan-Nelayan dan Semua Pihak Yang Berkaitan.  
Tarikh : 22 Januari 2008.

---

Dimaklumkan bahawa kerja-kerja survei hidrografi akan dijalankan di perairan Pelabuhan Klang di antara Kapar Power Station dan Pulau Ketam oleh Jurukur Setia Sdn Bhd. Kerja-kerja survei itu akan dilakukan pada waktu siang hari sahaja, yang dijangka akan memakan masa selama tempoh kira-kira 30 hari mulai dari 29 Januari 2008. Kerja survei yang akan dijalankan itu meliputi kerja-kerja ukur "echo sounder, side scan sonar and seismic" dengan menggunakan sebuah bot berlesen yang bernombor "BPK 701P". Perlu dimaklumkan juga bahawa kawasan yang terlibat dalam kerja-kerja survei itu kelak adalah dalam lingkungan kordinat-kordinat (poin) anggapan seperti dalam Jadual di bawah :-

Poin:	Latitud (Utara)	Long. (Timur)	Poin:	Latitud (Utara)	Long. (Timur)
(i)	03° 06.69'	101° 19.54'	(vi)	03° 03.22'	101° 17.51'
(ii)	03° 06.47'	101° 19.48'	(vii)	03° 02.33'	101° 17.19'
(iii)	03° 06.34'	101° 19.37'	(viii)	03° 02.19'	101° 17.09'
(iv)	03° 05.33'	101° 17.94'	(ix)	03° 02.14'	101° 16.92'
(v)	03° 04.73'	101° 17.68'	(x)	03° 02.17'	101° 16.71'

3. Selaras dengan itu juga, maka semua vesel (kapal-kapal, bot-bot serta bot nelayan) adalah diingatkan supaya berhati-hati semasa melalui kawasan kerja dan di mana praktikal serta selamat, hendaklah memberikan kelegaan munasabah kepada bot survei berkaitan.

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

**( MOHD SANI BIN ROSLI )**

Pegawai Laut Keselamatan Pelayaran,  
b.p. Pegawai Pelabuhan,  
Jabatan Laut Wilayah Tengah.

- s.k: (i) Pengarah, Bahagian Keselamatan Pelayaran,  
Ibu Pejabat Laut Semenanjung Malaysia.
- (ii) Pengarah Laut Wilayah Tengah.
- (iii) Pengurus Besar,  
Lembaga Pelabuhan Kelang.